



PEROLEHAN SECARA TENDER TERBUKA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**KENYATAAN TAWARAN**

TARIKH IKLAN : 17 Mei 2023 (Rabu)

Tawaran Tender adalah dipelawa daripada Pembekal-Pembekal yang berdaftar dengan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)** untuk mengambil bahagian di dalam tender seperti berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	HARGA DOKUMEN (RM)	TARIKH/MASA/TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK (Kehadiran Taklimat/Lawatan Tapak DIWAJIBKAN)	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	SYARAT PENYERTAAN TENDER	TARIKH TENDER DITUTUP
<p>Tender Bagi Membekal Label Keselamatan Hologram Bagi Produk Farmaseutikal Berdaftar Dengan Kementerian Kesihatan Malaysia</p> <p>No. Jadual T/P&amp;P : 10/2023</p>	<p>5,000.00</p> <p>(Tidak akan dikembalikan)</p>	<p><u>Lawatan Tapak/Taklimat</u></p> <p>Tarikh : 19 Mei 2023</p> <p>Masa : 9.30 pagi</p> <p>Tempat : Bilik Gerakan Sektor Implementasi Projek, Aras 3, Blok E3, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Kesihatan Malaysia</p> <p>Kehadiran ke Taklimat Tender dihadkan kepada DUA (2) orang sahaja.</p>	<p>Dokumen tender hanya akan dijual kepada syarikat yang menghadiri taklimat tender sahaja.</p> <p>Dokumen Tender boleh diperolehi/dijual selepas taklimat/lawatan tapak pada <b>19 Mei 2023 (Jumaat)</b> di alamat :-</p> <p>Kaunter Tender Bahagian Perolehan dan Penswastaaan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan persekutuan, 62590 PUTRAJAYA</p> <p>pada waktu-waktu pejabat seperti berikut:-</p> <p>Hari/masa:</p> <p>Isnin – Khamis 8.00 pagi - 1.00 ptg 2.00 ptg - 4.00 ptg</p> <p>Jumaat 8.00 pagi -12.00t/hari 2.45 ptg - 4.00 ptg</p>	<p>(i) Petender <b>DIWAJIBKAN</b> untuk menghadiri sesi taklimat;</p> <p>(ii) Berdaftar dengan SSM;</p> <p>(iii) Petender hanya dibenarkan membeli satu dokumen tender dan mengemukakan satu tawaran tender sahaja;</p> <p>(iv) Petender dikehendaki membawa COP Rasmi Syarikat ketika menghadiri taklimat tender.</p> <p>(v) Kementerian Kesihatan Malaysia berhak memanggil mana-mana petender pada bila-bila masa mengikut keperluan; dan</p> <p>(vi) Sebarang pertanyaan mengenai tender ini boleh dikemukakan kepada Unit Dasar dan Perancangan Penswastaaan, Bahagian Perolehan dan Penswastaaan Kementerian Kesihatan Malaysia di talian 03-8883 3486 / 3468.</p>	<p>08 Jun 2023, jam 12.00 tengah hari</p>

Tempat serahan Dokumen Tender hanya di:

**KAUNTER TENDER  
BAHAGIAN PEROLEHAN DAN PENSWASTAAN,  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA,  
ARAS 7, BLOK E7, KOMPLEKS E, PRESINT 1,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,  
62590 PUTRAJAYA**

**DOKUMEN TENDER YANG LEWAT TIDAK AKAN DITERIMA.** Kementerian ini tidak bertanggungjawab di atas sebarang kelewatan penghantaran dokumen tender melalui Pos Laju / *Courier*.

Pihak tuan adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 2.2 perenggan 5.7(iii) dan perenggan 15.1(viii) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9.2 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal.**

Dokumen tender hanya akan **DIJUAL KEPADA PETENDER YANG MENGHADIRI TAKLIMAT TENDER** seperti yang ditetapkan oleh kementerian ini dan petender yang berminat hendaklah mengemukakan sijil SSM asal dan satu (1) salinan yang diakui sah (tidak dikembalikan) berserta Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan yang asal termasuk satu (1) salinan semasa pembelian dokumen tender.

Perolehan bagi tender ini tidak tertakluk dengan *Comprehensive And Progressive Agreement For Trans-Pacific Partnership* (CPTPP).

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dalam bentuk **Bank Draf atau Money Order sahaja** atas nama **Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia.**  
**BAYARAN MELALUI WANG TUNAI/CEK/WANG POS TIDAK DITERIMA.**

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran.

Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia